



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO	
TARIKH	:	19/1/2021	MUKA SURAT : 4
JABATAN	:	TNB	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Diskaun khas bil elektrik 10 peratus

Kuala Lumpur: Enam sektor perniagaan bakal menerima diskaun khas bil elektrik sebanyak 10 peratus dari Januari hingga Mac depan.

Berita baik itu diumumkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika pengumuman Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai) yang disiarkan secara langsung di stesen televisyen, semalam.

Beliau berkata, enam sektor terbabit adalah pengendali hotel, taman tema, pusat

konvensyen, pusat beli-belah, pejabat syarikat penerbangan tempatan serta agensi pengembaraan dan pelancongan.

“Di samping itu, rebat elektrik diberikan kepada semua pengguna TNB (Tenaga Nasional Berhad), domestik dan bukan domestik pada kadar 2 sen setiap kilowatt per jam,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhyiddin berkata, bagi mengurangkan beban perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kerajaan me-

lanjutkan potongan cukai khas kepada syarikat yang memberi pengurangan sewa premis perniagaan sekurang-kurangnya 30 peratus mulai 1 April 2020 hingga 30 Jun 2021.

“Berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa, potongan khas ini akan diperluaskan untuk meliputi pengurangan sewaan yang diberi kepada syarikat bukan PKS,” katanya.

Selain itu, katanya, Pembangunan Sumber Manusia Berhad akan mengecualikan

levi majikan bagi syarikat yang tidak dapat beroperasi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Beliau berkata, Majlis Amanah Rakyat (Mara) juga akan meneruskan program *Mara Prihatin Peace of Mind 2.0* yang mana peminjam boleh memohon untuk membuat penjadualan semula bayaran balik kemudahan pinjaman pelajaran atau moratorium sehingga 31 Mac depan.

Harian Metro 19/1/2021 ms 4.